



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN
PENTADBIRAN KEPADA PERSATUAN
SUKAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN BAGI
TAHUN 2019 DAN PELANCARAN PROGRAM
BAKAT SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

BERJAYA TIMES SQUARE, KUALA LUMPUR

**23 MAC 2019 (SABTU)
JAM 12.30 TENGAHARI**

Salutasi (Akan dimuktamadkan)

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum

Warahmatullahi

Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah bersyukur kita kepada Allah s.w.t kerana kita dapat bersama-sama di dalam Majlis Penyerahan Bantuan Pentadbiran Kepada Persatuan Sukan Wilayah Persekutuan tahun 2019 dan Pelancaran Program Bakat Sukan Wilayah Persekutuan. Saya sangat teruja kerana pada hari ini sekali lagi saya dapat bertemu dengan penggiat-penggiat sukan dan wakil-wakil persatuan sukan yang bertanggungjawab membantu meningkatkan kecemerlangan sukan di Wilayah Persekutuan. Ini kerana tanpa kerjasama dan komitmen daripada tuan-tuan dan puan-puan, sudah pasti

agenda pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan yang dilaksanakan melalui Majlis Sukan Wilayah Persekutuan tidak akan tercapai. Tahniah dan terima kasih di atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan.

2. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Majlis ini bukan sahaja akan menyempurnakan penyerahan bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan sukan, malah saya juga akan merasmikan pelancaran satu program baru di bawah MSWP iaitu Program Bakat Sukan Wilayah Persekutuan. Di samping itu, kita juga akan meraikan kejayaan atlet-atlet Sukan Orang Pekak Malaysia (SOPMA) Perak 2018 melalui penyerahan insentif kemenangan pingat SOPMA.

Hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian,

3. Bagi memastikan pembangunan sukan yang berterusan dan menyeluruh, MSWP telah merangka 10 elemen ekosistem yang menjadi keperluan bagi mewujudkan persekitaran dan perkembangan sukan yang mampan di Wilayah Persekutuan. Elemen-elemen yang dikenal pasti ini sangat penting untuk menyokong kepada pencapaian terbaik Wilayah Persekutuan di SUKMA Johor 2020. Di antara elemen yang menjadi keutamaan pada ketika ini adalah tadbir urus persatuan dan pelaksanaan program *talent identification* dan *scouting*.

4. Selaras dengan itu, pihak Kementerian dan MSWP telah mengambil inisiatif untuk memastikan tadbir urus persatuan sukan dilaksanakan dengan lebih efisien dan sistematik melalui pemberian bantuan pentadbiran kepada persatuan-persatuan

sukan. Sebanyak 86 persatuan sukan yang merangkumi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan telah disenaraikan untuk diberi bantuan pentadbiran mengikut kategori yang ditetapkan. Bagi maksud tersebut, sejumlah RM390,000.00 telah diperuntukkan bagi tahun 2019.

5. Saya berharap agar bantuan yang diterima ini akan diuruskan dengan telus dan berhemah mengikut panduan dan tatacara pengurusan kewangan. Melalui tadbir urus yang baik di samping penekanan terhadap nilai integriti dan *good governance*, saya yakin dan percaya bahawa setiap persatuan akan dapat membantu menguruskan elemen-elemen ekosistem bagi memastikan kecemerlangan pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Saya juga difahamkan bahawa MSWP telah merangka satu program sebagai usaha untuk mengenalpasti dan menggilap bakat-bakat baru di Wilayah Persekutuan. Program yang dinamakan Bakat Sukan Wilayah Persekutuan ini membuktikan bahawa MSWP sentiasa komited untuk melaksanakan program pembangunan sukan yang menyeluruh merangkumi ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Program ini selaras dengan hasrat Kementerian untuk memastikan Wilayah Persekutuan sentiasa mempunyai atlet-atlet pelapis yang berpotensi menggantikan atlet SUKMA dan seterusnya menjadi atlet kebangsaan.

7. Selain itu, Program ini akan melibatkan 15 jenis sukan teras di mana 16 Pusat Latihan Negeri dan 8 Pusat Latihan Kawasan yang telah dikenalpasti untuk pelaksanaan program. Saya

turut dimaklumkan seramai 38 orang Jurulatih telah dilantik bagi melaksanakan program-program yang telah dirancang dengan sasaran seramai 360 orang atlet seawal usia 12 hingga 17 tahun. Tahniah saya ucapkan kepada semua Jurulatih. Semoga dengan pelantikan ini tuan-tuan dan puan-puan dapat membantu merealisasikan matlamat yang diharapkan. Hadirin dan hadirat sekalian,

8. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kontinjen Sukan Orang Pekak Wilayah Persekutuan yang telah berjaya memperolehi 7 pingat emas, 11 pingat perak dan 5 pingat gangsa sekaligus menjadi juara keseluruhan Sukan Orang Pekak (SOPMA) Perak 2018. Ini merupakan kejayaan kali kedua berturut-turut bergelar juara keseluruhan selepas SOPMA Sarawak 2016.

9. Bagi menghargai kejayaan Kontinjen Sukan Orang Pekak Wilayah Persekutuan, pihak Kementerian bersetuju untuk memberikan insentif kemenangan pingat berjumlah RM31,100.00 kepada atlet-atlet yang berjaya memperolehi pingat serta menjulang nama Wilayah Persekutuan. Pemberian insentif ini adalah untuk menghargai dan mengiktiraf atlet sukan orang pekak. Oleh itu, diharapkan ia menjadi motivasi kepada semua penggiat sukan tanpa mengira status untuk terus berusaha meningkatkan prestasi dan mencapai kejayaan khususnya bagi Wilayah Persekutuan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Pihak Kementerian dan MSWP memandag serius soal pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan. Kami juga prihatin dengan

keperluan pembangunan sukan yang menjadi wadah perpaduan rakyat. Oleh yang demikian, pihak Kementerian dan MSWP sentiasa berusaha untuk memastikan pengurusan dan pentadbiran sukan di Wilayah Persekutuan diperkasakan secara menyeluruh di semua peringkat.

11. Justeru itu, kewujudan Majlis Sukan Kawasan Pentadbiran melalui penubuhan Majlis Sukan Kuala Lumpur, Majlis Sukan Labuan dan Majlis Sukan Putrajaya akan diperkemaskan semula agar peranan MSWP dapat dimainkan di setiap peringkat. Ia juga bertujuan untuk memastikan setiap pemegang taruh termasuk persatuan-persatuan sukan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan dapat dikawal selia dengan lebih baik.

12. Akhir kata, saya berharap agar segala usaha yang kita rancang mahupun isu yang

berbangkit di setiap Wilayah dapat ditangani secara bersama dengan lebih berkesan. Pihak Kementerian dan MSWP akan sentiasa memberi sokongan dan komitmen penuh kepada persatuan-persatuan sukan demi kecemerlangan sukan di Wilayah Persekutuan.

13. Dengan ini, saya merasmikan “Majlis Penyerahan Bantuan Pentadbiran Kepada Persatuan Sukan Wilayah Persekutuan tahun 2019 dan Pelancaran Program Bakat Sukan Wilayah Persekutuan.”

14. Saya akhiri ucapan dengan Wabillahi Taufik Wal hidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.